

KEMPEN TARGET LABUR #JOMLABUR (“Kempen”)

Terma dan Syarat Kempen ini

Kelayakan

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Syarikat 197901003200 (47457-V)) (“**ASNB**”).
2. Kempen ini bermula pada 8 Oktober 2021 dan berakhir pada 31 Mei 2022 (“**Tempoh**”). ASNB mengekalkan hak untuk menukar, menunda, menjadualkan semula dan/atau melanjutkan Tempoh mengikut budi bicara mutlakunya.
3. Kempen ini terbuka untuk semua pemegang unit ASNB yang merupakan pengguna aplikasi myASNB yang baharu atau yang sedia ada, kecuali semua kakitangan, pekerja dan ahli keluarga terdekat (pasangan dan anak-anak) kakitangan dan pekerja kumpulan syarikat Permodalan Nasional Berhad yang ditakrifkan sebagai PNB dan/atau entiti-entiti berikut, yang mana terpakai:
 - a. Permodalan Nasional Berhad (No. Syarikat 197801001190 (38218-X));
 - b. ASNB, Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (No. Syarikat 198801008611 (175967-W));
 - c. Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (No. Syarikat 198801008611 (175967-W));
 - d. PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (No. Syarikat 200001015384 (517991-A));
 - e. PNB Research Institute Sdn. Berhad (No. Syarikat 198501007000 (139442-U));
 - f. Jewel Digital Ventures Sdn Bhd (No. Syarikat 201901007717 (1317044-M)); dan
 - g. Mana-mana syarikat dan/atau entiti lain yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
4. Tujuan Kempen ini ialah untuk menggalakkan pemegang unit ASNB memanfaatkan ciri *Target Labur* yang terdapat dalam aplikasi myASNB untuk mencipta matlamat pelaburan dan menguruskan pelaburan jangka panjang bagi akaun mereka.
5. Bagi melayakkan diri untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, pemegang unit perlu memenuhi syarat-syarat berikut:
 - (i) Muat turun aplikasi myASNB dari Google Play Store atau Apple App Store atau Huawei AppGallery dan mendaftar untuk menjadi pengguna aplikasi myASNB;
 - (ii) Log masuk ke dalam akaun myASNB dan gunakan ciri *Target Labur* yang ada dalam aplikasi myASNB; dan
 - (iii) Cipta dua (2) matlamat pelaburan dengan sasaran minimum Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) setiap satu.

Mekanisme Kempen

1. Peserta-peserta Kempen ini terdiri daripada pengguna aplikasi myASNB yang baharu atau

sedia ada yang akan mencipta dua (2) matlamat dengan menggunakan ciri *Target Labur* yang terkandung dalam aplikasi ASNB semasa tempoh Kempen berlangsung ("**Peserta**").

2. Setiap akaun myASNB hanya dibenarkan memasukkan satu penyertaan sahaja untuk Kempen ini.

Pemilihan Para Pemenang

1. Para pemenang akan dipilih secara rawak berdasarkan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Mekanisme Kempen di atas (setiap seorang dirujuk sebagai "**Pemenang**", dan secara kolektif, "**Para Pemenang**").
2. Hadiah-hadiah akan diberikan kepada Para Pemenang.
3. Para Pemenang akan dipilih secara rawak daripada semua Peserta yang layak menerusi satu sistem pengundian program komputer yang dikendalikan oleh ASNB.
4. Senarai Para Pemenang akan diumumkan oleh ASNB melalui kaedah komunikasi yang sesuai dan akan dipaparkan di laman web ASNB dan/atau akaun media sosial yang diuruskan oleh ASNB.

Hadiah-hadiah Kempen

1. Kempen ini mempunyai lima (5) kategori hadiah, seperti berikut:

- a) Hadiah Utama;
- b) Hadiah Tempat Pertama;
- c) Hadiah Tempat Kedua;
- d) Hadiah Tempat Ketiga; dan
- e) Hadiah Saguhati,

(setiap satu dirujuk sebagai "**Hadiah**" dan secara kolektif, "**Hadiah-hadiah**").

1. Para Pemenang tidak dibenarkan meminta penggantian atau penukaran Hadiah-hadiah yang telah mereka menangi, termasuk tetapi tidak terhad pada penukaran dari segi warna, jenis dan/atau model.
2. Hadiah-hadiah yang dimenangi oleh Para Pemenang tidak boleh ditukar ganti dengan wang tunai.
3. ASNB memelihara hak mutlak untuk menggantikan mana-mana daripada Hadiah-hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya atau yang bernilai lebih tinggi, seperti yang dianggap sesuai oleh ASNB.
4. Hadiah-hadiah adalah tertakluk pada ketersediaan. Apabila stok terhad, pemberian Hadiah-hadiah mungkin akan ditangguhkan oleh ASNB.
5. Para Pemenang dikehendaki mengambil Hadiah-hadiah mereka mengikut

peraturan-peraturan yang dinyatakan oleh ASNBN semasa berhubung dengan Para Pemenang. Sebarang permintaan untuk pengubahsuaian atau perubahan pada cara pengambilan hadiah tidak akan dilayan.

6. Sekiranya seorang Pemenang gagal memberi maklum balas dan/atau tidak memenuhi mana-mana peraturan berkaitan dengan penerimaan Hadiah-hadiah dalam tempoh masa yang ditetapkan setelah dihubungi oleh ASNBN melalui telefon dan/atau mana-mana bentuk komunikasi yang dianggap wajar oleh ASNBN, ASNBN memelihara hak mutlak untuk menggantikan Pemenang itu dengan seorang Pemenang yang lain.
7. Semua Para Pemenang hanya layak memenangi satu (1) Hadiah sepanjang tempoh Kempen berlangsung.
8. Maklumat lanjut tentang Hadiah-hadiah adalah seperti berikut:

a) **Hadiah Utama**

Satu (1) x Toyota Vios 1.5J
Satu (1) x Toyota Yaris 1.5J

(setiap seorang, “Pemenang Hadiah Utama”) tertakluk pada terma dan syarat tambahan yang dinyatakan di bawah perenggan 1 **Terma dan Syarat yang Lain di bawah.**

b) **Hadiah Tempat Pertama**

Dua (2) x iPhone 12 (64GB)

c) **Hadiah Tempat Kedua**

Tiga (3) x iPad (32GB, Wi-Fi sahaja)

d) **Hadiah Tempat Ketiga**

30 x pas akses *RinggitPlus Financial Planner* (setiap pas akses hanya untuk satu (1) orang individu sahaja; tertakluk pada terma dan syarat tambahan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 2 **Terma dan Syarat yang Lain di bawah.**

(setiap seorang, “Pemenang Hadiah Tempat Ketiga”)

e) **Hadiah Saguhati**

200 x RM50 baucar GrabFood

(setiap seorang, “Pemenang Hadiah Saguhati”) tertakluk pada terma dan syarat tambahan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 3 **Terma dan Syarat yang Lain di bawah.**

Terma dan Syarat yang Lain

1. Kedua-dua hadiah dalam kategori Hadiah Utama tertakluk pada ketersediaan bekalan.

- Para Pemenang Hadiah Utama tidak boleh membuat sebarang permintaan untuk menukar jenis dan/atau model Hadiah Utama.
- Apabila dimaklumkan oleh UMW Holdings Sdn Bhd ("**UMW**") (No. Syarikat: 197001000562), pengambilan Hadiah Utama mungkin perlu ditangguhkan dan sebarang permintaan untuk mempercepatkan pemberian hadiah tersebut tidak akan dilayan.
- Setiap Pemenang Hadiah Utama hendaklah datang sendiri untuk mengambil Hadiah Utama mengikut masa, tarikh dan tempat yang ditentukan oleh UMW; sebarang permintaan untuk pertukaran tidak akan dilayan.
- Hadiah-hadiah Utama akan diberikan seadanya, tanpa disertakan dengan insurans atau apa-apa pengubahsuaian atau tambahan. Kos insurans, cukai dan duti hendaklah ditanggung oleh pemenang.
- UMW memelihara hak untuk menghadihkan unit kereta pameran mengikut budi bicara mutlakny dan sebarang permintaan untuk perubahan tidak akan dilayan.
- ASNB tidak bertanggungjawab atas penyerahan Hadiah-hadiah Utama.

2. *RinggitPlus Financial Planner* ialah sebuah perkhidmatan perancangan kewangan satu-dengan-satu dalam bentuk digital sepenuhnya, yang dimiliki dan dikendalikan oleh Jirnexu Advisor Sdn Bhd ("**RinggitPlus**") (No. Syarikat 201401005910) (dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia). Perkhidmatan yang diperibadikan ini menyediakan khidmat perancangan kewangan komprehensif untuk memberi panduan kepada individu-individu dalam mencipta rancangan kewangan bagi mencapai matlamat kewangan dalam kehidupan mereka. Setiap daripada tiga puluh (30) pas akses yang ditawarkan sebagai Hadiah-hadiah dalam Kempen ini melayakkan Pemenang Hadiah Tempat Ketiga untuk menerima:

A. Tiga (3) sesi rundingan dalam talian secara satu-dengan-satu selama sejam bersama seorang Perancang Kewangan Bertauliah;

B. Satu (1) laporan kewangan menyeluruh yang diperibadikan setebal tiga puluh hingga empat puluh (30-40) halaman; dan

C. Satu (1) panduan pelaksanaan rancangan kewangan.

- Terma dan syarat tambahan oleh Jirnexu: Setiap Pemenang Hadiah Ketiga dibenarkan untuk membuat satu pertukaran nama untuk memindahkan Hadiah Tempat Ketiga kepada ahli keluarga mereka.
- Bermula dari penerimaan e-mel pertama daripada Pasukan Perancang Kewangan yang mengucapkan selamat datang, Pemenang Hadiah Ketiga akan diberi masa selama tiga (3) bulan untuk mengaktifkan perjalanan Perancangan Kewangan mereka dengan menghantar Soal Selidik Kewangan Digital yang

disediakan oleh RinggitPlus berkenaan dengan maklumat kewangan peribadi mereka menerusi pautan digital yang tersulit.

- Maklumat ini hendaklah dihantar secara terus kepada Perancang Kewangan Bertauliah yang ditugaskan dan kerahsiaan maklumat ini akan dijaga.
- RinggitPlus mempunyai hak untuk membatalkan penebusan Hadiah Pemenang sekiranya Para Pemenang gagal menghantar Soal Selidik Kewangan Digital mereka dalam tempoh tiga (3) bulan yang telah diberikan.

3. Baucar GrabFood adalah sah sehingga 31 Julai 2022 ("**Tarikh Tamat Tempoh Baucar GrabFood**"). ASNB akan menghantar kod penebusan baucar GrabFood kepada Para Pemenang Hadiah Saguhati melalui e-mel ("e-mel") kepada alamat e-mel yang diberikan oleh Para Pemenang Hadiah Saguhati masing-masing, dan selepas itu adalah menjadi tanggungjawab Para Pemenang Hadiah Saguhati untuk memasukkan kod yang diberikan ke dalam aplikasi mudah alih Grab untuk tujuan penebusan.

- Nilai penuh setiap baucar sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) hendaklah digunakan dalam satu transaksi tunggal.
- Sekiranya Pemenang Hadiah Saguhati memilih untuk menggunakan baucar bagi satu transaksi bernilai kurang daripada Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00), baki nilai baucarnya akan lupus.
- Sekiranya Pemenang Hadiah Saguhati menggunakan baucar untuk satu transaksi bernilai lebih daripada Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00), Pemenang Hadiah Saguhati bertanggungjawab untuk membayar baki kos transaksi itu.
- Baucar yang dimenangi tidak boleh digabungkan dengan mana-mana tawaran atau kupon lain. Baucar sah digunakan dalam aplikasi Grab versi terkini dan adalah untuk kegunaan di dalam Malaysia sahaja.
- Kegagalan untuk menebus nilai penuh baucar sebelum Tarikh Tamat Tempoh Baucar GrabFood akan menyebabkan Pemenang Hadiah Saguhati melupuskan sepenuhnya Hadiah yang dimenangi olehnya.

4. Hadiah Tempat Pertama dan Hadiah Tempat Kedua akan dibeli oleh ASNB dari kedai dan sebarang permintaan untuk penukaran jenis, model dan/atau warna tidak dibenarkan. ASNB akan menghantar butiran tentang pengambilan hadiah kepada Para Pemenang melalui e-mel mengikut alamat e-mel yang telah diberikan oleh Para Pemenang. Para Pemenang hendaklah datang sendiri untuk mengambil Hadiah-hadiah mereka pada masa, tarikh dan tempat yang dimaklumkan oleh ASNB dalam e-mel yang disebutkan. Sebarang permintaan untuk penukaran tidak akan dilayan.

5. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, setiap Peserta bersetuju dengan Terma dan Syarat yang terkandung di sini. Keputusan ASNB sebagai penganjur adalah muktamad dan sebarang rayuan dan/atau pertikaian tidak akan dilayan.

6. Peserta juga bersetuju bahawa melalui penglibatannya dalam Kempen ini, Peserta membenarkan ASNB, dan ASNB mempunyai hak untuk menggunakan nama Peserta, butiran peribadinya dan gambarnya untuk tujuan pemasaran, pengiklanan dan publisiti, mengikut peruntukan undang-undang yang berkaitan, tanpa sebarang kos tambahan ditanggung oleh ASNB atau gantirugi diberikan kepada peserta.
7. Setiap Pemenang Kempen ini bertanggungjawab untuk semua bayaran cukai, kadar, fi, atau apa-apa fi yang mungkin dikenakan ke atas mereka mengikut undang-undang yang berhubungan dengan Hadiah-hadiah dan Kempen ini.
8. ASNB tidak akan menanggung sebarang kerosakan atau kerugian, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan dengan Kempen ini. ASNB juga tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku apa-apa kejadian bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan teknikal atau kegagalan sistem, atau apa-apa kejadian lain yang berada di luar kawalan ASNB.
9. ASNB memelihara hak untuk meminda, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan sebahagian atau keseluruhan Kempen ini, atau untuk mengubah, memotong atau membuat penambahan pada mana-mana Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknyanya.
10. ASNB memelihara hak untuk menarik balik/membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang tidak mematuhi terma dan syarat seperti yang dinyatakan di sini dan/atau yang didapati atau disyaki telah campur tangan dalam Kempen ini, proses Kempen ini, atau pengendalian Kempen ini. Campur tangan tersebut mungkin berlaku dalam bentuk sogokan dan/atau gangguan yang disengajakan, termasuk aktiviti-aktiviti penipuan yang melibatkan apa-apa perdayaan, tipu-helah, dan/atau pemalsuan berkaitan dengan Kempen ini.
11. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian yang dialami oleh Peserta yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada penglibatan Para Peserta dalam Kempen ini.
12. Semua gambar yang ditunjukkan berkenaan dengan Kempen ini hanya untuk tujuan ilustrasi semata-mata dan mungkin berbeza daripada Hadiah-hadiah sebenar.
13. Terma dan Syarat Kempen ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau pernyataan berhubungan dengan Kempen ini yang terkandung dalam bahan-bahan promosi sama ada dalam bentuk bercetak ataupun elektronik.
14. Terma dan Syarat Kempen ini ditadbir oleh undang-undang Malaysia.
15. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik antara versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Melayu Terma dan Syarat untuk Kempen ini, versi Bahasa Inggeris hendaklah terpakai.